

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
KAWASAN : KLANG
TARIKH : 17 JUN 2014, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO (KLANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kesudian Kerajaan untuk mengulang kaji atau membatalkan pembinaan East Klang Valley Expressway memandangkan pembinaan ini akan mencerobohi dua kawasan tadahan air (water catchment) iaitu Ampang dan Ulu Gombak Rizab Hutan (Forest Reserves).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Terperinci Penilaian Alam Sekitar (DEIA) untuk cadangan projek Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) yang merentasi sebahagian kawasan hutan simpan di Gombak dan kawasan tadahan air di Ampang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar pada 25 April 2013.

Laporan tersebut antara lain telah mengambil kira kesan terhadap flora dan fauna, hakisan, kualiti air, udara, bunyi, getaran, hidrologi, geologi dan sosioekonomi semasa tempoh pembinaan dan operasi lebuhraya berkenaan. Sehubungan itu, syarikat konsesi perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam DEIA itu semasa melaksanakan kerja-kerja pembinaan projek ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak berkuasa yang terlibat bagi meminimumkan kesan projek ini terhadap alam sekitar, terutama di kawasan-kawasan yang sensitif. Ia dibuat menerusi sesi perbincangan dan pemantauan yang diadakan secara berkala daripada semasa ke semasa.

Sekian. Terima kasih.